

# MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

1 JAM

1249/1

SEJARAH  
Kertas 1

## ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

1249/1

[ Lihat halaman sebelah

- 1 Gambar berikut menunjukkan Inskripsi Telaga Batu.



Mengapakah inskripsi tersebut penting kepada rakyat dalam kerajaan Srivijaya?

- A Menceritakan penyebaran agama
  - B Menunjukkan kemahiran seni bina
  - C Membuktikan kesetiaan kepada raja
  - D Melambangkan keagungan pemerintah
- 2 Temenggung merupakan salah seorang Pembesar Berempat dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.  
Apakah peranan Temenggung?
- A Menjaga keselamatan kota
  - B Mengutip cukai pelabuhan
  - C Mengetuai angkatan tentera
  - D Menguruskan perbendaharaan
- 3 Mengapakah Revolusi Keagungan 1688 berlaku di England?
- I Menentang kenaikan cukai
  - II Menamatkan pemerintahan beraja
  - III Menegakkan kedaulatan parlimen
  - IV Memperjuangkan hak asasi rakyat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



- 8 Mengapakah penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke kepada British ditentang oleh penduduk tempatan?
- A Hak istimewa peribumi terhapus
  - B Peluang dalam pentadbiran terhad
  - C Kuasa Dinasti Brooke bertambah kukuh
  - D Bertentangan dengan Perlembagaan 1941

- 9 Dialog berikut mungkin berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1947.

Abu : Pihak British telah menolak Perlembagaan Rakyat yang dikemukakan oleh kita.  
 Ah Kow : Kita mesti bertindak membantah perkara ini.

Apakah tindakan mereka?

- A Melakukan mogok
  - B Menganjurkan hartal
  - C Menghantar surat bantahan
  - D Meletak jawatan beramai-ramai
- 10 Mengapakah orang Melayu menerima penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan
  - II Pelaksanaan sistem Raja Berperlembagaan
  - III Pengenalan jawatan Yang di-Pertuan Agong
  - IV Kedudukan istimewa orang Melayu diiktiraf
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 11 Persidangan berikut dianjurkan oleh Gerakan Komunis Antarabangsa di Calcutta, India pada tahun 1948.

- Persidangan Kongres Belia Asia
- Persidangan Parti Komunis India

Apakah gesaan dalam persidangan tersebut?

- A Berkerjasama dengan British
- B Menentang kuasa imperialis
- C Menubuhkan kerajaan baharu
- D Berbaik-baik dengan Jepun


- 12 Tokoh berikut telah melancarkan perang saraf bagi menangani ancaman komunis.



Sir Gerald Templer

- Bagaimanakah beliau mendapatkan sokongan penduduk dalam usaha tersebut?
- A Mewujudkan Kampung Baru
  - B Memperkenalkan kad pengenalan
  - C Membawa masuk tentera Komanwel
  - D Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- 13 Mengapakah British memperkenalkan Sistem Ahli di Tanah Melayu pada April 1951?
- A Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri
  - B Mengukuhkan lagi penguasaan politik British
  - C Menerapkan sistem pentadbiran Barat
  - D Merangka perlembagaan baharu
- 14 Bagaimanakah Jawatankuasa Pelajaran 1956 dapat memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat di Tanah Melayu?
- A Persekolahan mengikut aliran
  - B Memperkasa sekolah vernakular
  - C Kurikulum bercorak kebangsaan
  - D Sistem pendidikan secara percuma
- 15 Pilihan raya tempatan yang pertama diadakan pada tahun 1956 di Sarawak. Mengapakah pilihan raya tersebut diadakan?
- A Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
  - B Sebagai pra peralihan kuasa Brooke
  - C Memilih ketua rumah panjang
  - D Menentukan calon berwibawa

16 Gambar berikut adalah barisan kabinet pertama Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu 1955.



Apakah peranan kabinet tersebut?

- I Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
  - II Mengurangkan kuasa pentadbiran British
  - III Membangunkan dasar luar negara
  - IV Menggubal perlembagaan negara merdeka
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

17 Tokoh-tokoh berikut merupakan anggota Suruhanjaya Reid.

- Lord Reid
- Sir William Ivor Jennings
- Sir William Mckell

Apakah sumbangan tokoh berikut kepada negara kita?

- A Menyeragamkan sistem pendidikan
- B Menghapuskan pengaruh komunis
- C Melantik pemerintah negara
- D Merangka perlembagaan

- 18 Jadual berikut adalah reaksi terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Parti	Reaksi
UMNO	Tidak bersetuju dengan konsep <i>jus soli</i>
PAS	Mengkritik soal kewarganegaraan

Mengapakah mereka memberi reaksi sedemikian?

- A Mengancam kedudukan raja
  - B Menghapuskan ketamadunan bangsa
  - C Menggugat keistimewaan orang Melayu
  - D Menjejaskan kesetiaan orang bukan Melayu
- 19 Apakah tujuan Rancangan Buku Merah dilancarkan pada 25 Januari 1961?
- A Memajukan sektor perindustrian
  - B Membangunkan kemudahan asas
  - C Memodenkan teknologi pertanian
  - D Menyeragamkan sistem pentadbiran
- 20 Jawatankuasa Persediaan Fizikal ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan.  
Apakah persediaan yang dilakukan oleh jawatankuasa tersebut?
- I Pertandingan pintu gerbang
  - II Memperkenalkan lagu kebangsaan
  - III Pembinaan stadium
  - IV Menggubal Rukun Negara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 21 Kedaulatan negara kita adalah berlandaskan kedaulatan tradisional.  
Apakah bukti untuk menyokong pernyataan tersebut?
- A Kerjasama semua rakyat
  - B Kekuasaan Raja-raja Melayu
  - C Kecemerlangan sosioekonomi
  - D Keupayaan menentang penjajahan

- 22 Kedaulatan penting bagi memberikan hak kepada negara untuk menjalankan hubungan dengan negara lain.

Bagaimanakah jalinan hubungan tersebut terbentuk?

- A Penggubalan dasar luar
- B Pengamalan undang-undang
- C Pembentukan kerajaan pusat
- D Pemilihan pemimpin berwibawa

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan jentera pentadbiran Sarawak dan Sabah.

Negeri	Jentera Pentadbiran
Sarawak	Council Negri
Sabah	Majlis Undangan

Apakah persamaan peranan jentera pentadbiran tersebut?

- A Melicinkan pentadbiran
  - B Membuat dasar ekonomi
  - C Menentukan hala tuju kerajaan
  - D Menggubal undang-undang
- 24 Pada tahun 1963, satu pindaan telah dibuat pada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Mengapakah pindaan dibuat?
- A Pembentukan Malaysia
  - B Penubuhan Mahkamah Tinggi
  - C Memelihara kedudukan Raja-raja Melayu
  - D Menggalakkan kemajuan Sarawak dan Sabah
- 25 Undang-undang berikut digubal sebelum Perang Dunia Kedua.


- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895</li> <li>• Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911</li> </ul> |
|---|

Apakah persamaan kedua-dua undang-undang tersebut?

- A Raja berkuasa mutlak
- B Kerajaan dipilih oleh rakyat
- C Pemerintahan Raja Berperlembagaan
- D Menteri Besar menguasai pentadbiran



26 Rajah berikut berkaitan sistem pemerintahan Malaysia.



Siapakah menjadi punca kuasa kepada ketiga-tiga badan tersebut?

- A Rakyat  
 B Perdana Menteri  
 C Ahli Dewan Rakyat  
 D Yang di-Pertuan Agong

27 Mengapakah Majlis Mesyuarat Persekutuan distrukturkan semula pada tahun 1927?

- A Membentuk Kabinet Menteri  
 B Mengukuhkan kedudukan British  
 C Mewujudkan kerajaan Persekutuan  
 D Memelihara kedudukan Raja-raja Melayu

28 Organisasi pentadbiran berikut diusahakan oleh kerajaan Persekutuan.

Negeri	Organisasi Pentadbiran
Sarawak	Rajang Area Security Command (RASCOM)
Sabah	Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)


Apakah matlamat organisasi tersebut?

- A Integrasi kaum  
 B Perpaduan kaum  
 C Keselamatan negara  
 D Kemakmuran ekonomi

29 Mengapakah Lord Brassey mencadangkan pembentukan Malaysia?

- I Meningkatkan potensi ekonomi  
 II Mengukuhkan perpaduan kaum  
 III Memantapkan institusi kesultanan  
 IV Meluaskan tanah jajahan
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

30 Jadual berikut menunjukkan perkembangan parti politik di Sabah.



Mengapakah berlaku perkembangan situasi politik tersebut?

- A Penentangan penjajahan SBUB  
 B Pemberontakan Indonesia ke atas Sabah  
 C Penyerahan Sabah kepada kerajaan British  
 D Pengumuman cadangan penubuhan Malaysia
- 31 Stephen Kalong Ningkan kembali menjadi Ketua Menteri Sarawak pada bulan September 1966. Apakah reaksi ahli Council Negri terhadap tindakan beliau?
- A Memberi sokongan yang baik                      B Mengadakan demonstrasi damai  
 C Melaksanakan undi tidak percaya                D Mengugut untuk meletak jawatan
- 32 Isu berikut dihadapi oleh negara kita pada awal kemerdekaan.

Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut?

- A Menarik kemasukan pelabur luar  
 B Melibatkan kerjasama sektor swasta  
 C Memperbanyakkan pengeluaran bijih timah  
 D Mempelbagaikan keluaran komoditi negara
- 33 Maklumat berikut berkaitan dasar pentadbiran British.

- Pemisahan petempatan melalui kegiatan ekonomi
  - Mewujudkan sistem pendidikan vernakular dalam pendidikan

Apakah kesan kepada bangsa Malaysia pasca merdeka?

- A Kerengangan hubungan  
 B Kecekapan pentadbiran  
 C Keberhutangan tinggi  
 D Kepsatan ekonomi

34 Bagaimanakah bahasa Melayu diperkasakan melalui sistem pendidikan?

- I Menggalakkan pelibatan swasta
  - II Menubuhkan Kolej Sultan Abdul Halim
  - III Pembukaan sekolah menengah kebangsaan
  - IV Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

35 Maklumat berikut berkaitan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) 1991-2000.

Pemberian subsidi dan sokongan kepada golongan penanam padi dan nelayan.

Mengapakah kerajaan mengambil pendekatan tersebut?

- A Membuka peluang pekerjaan
- B Membasmi kemiskinan rakyat
- C Menyusun semula masyarakat
- D Meningkatkan produktiviti negara

36 Berikut merupakan tujuan kerajaan mewujudkan Zon Perindustrian Bebas.

- Menarik pengusaha melabur
- Merangsang ekonomi kawasan sekitar

Bagaimanakah tujuan tersebut dapat dicapai?

- A Menyediakan teknologi moden
- B Membangunkan industri berat
- C Mengeluarkan kereta nasional
- D Memberikan pelepasan cukai

- 37 Senarai berikut berkaitan kuasa luar yang menjalinkan hubungan dengan Kesultanan Melayu Melaka (KMM).

- Siam
- Turki
- Pasai
- Ryukyu

Bagaimanakah hubungan luar tersebut terjalin?

- A Perkahwinan siasah
  - B Hubungan diplomatik
  - C Pertembungan budaya
  - D Kegiatan perdagangan
- 38 Rancangan Colombo merupakan rancangan pembangunan ekonomi dan sosial yang dilaksanakan sejak tahun 1951.  
Apakah kepentingan rancangan tersebut terhadap negara anggota Komanwel?
- A Mendapat khidmat nasihat
  - B Memulihkan wabak penyakit
  - C Menyediakan kemudahan kredit
  - D Mengukuhkan kerjasama perdagangan
- 39 Malaysia bertindak secara berhemah untuk menyelesaikan masalah kempen antiminyak sawit.  
Mengapakah pendekatan tersebut diambil?
- A Mengatasi pencerobohan luar
  - B Mendapatkan sokongan dunia
  - C Mengelakkan sebarang konflik
  - D Menjaga kepentingan ekonomi
- 40 Mengapakah Non-Governmental Organization (NGO) Global Peace Mission (GPM) digerakkan ke Syria?
- A Memberi bantuan kemanusiaan
  - B Menubuhkan pusat pengajian
  - C Menjaga kebajikan pelarian
  - D Membina kemudahan asas

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**